

25 JUL 1996

PARLIMEN; TIMBALAN SPEAKER TOLAK USUL DAP

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Timbalan Speaker Dewan Rakyat Ong Tee Kiat hari ini menolak usul anggota DAP dari Kota Melaka, Lim Guan Eng supaya menangguhkan persidangan bagi membincangkan keputusan Peguam Negara untuk tidak mendakwa Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Usul DAP itu mendakwa Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah gagal menegakkan keluhuran undang-undang tetapi bermain politik dengan enggan mendakwa Rafidah dan Rahim meskipun, menurut Lim, masing-masing mengaku melakukan kesilapan.

Lim berkata beliau tidak berpuas hati dengan jawapan bertulis daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap soalnya pada Isnin lepas kerana menyatakan keputusan Peguam Negara bahawa kelulusan 1.5 juta saham Universal Leader Holdings Bhd dan 4,173,901 saham First Allied Corporation Bhd bernilai RM25 juta dalam pasaran semasa kepada menantu Rafidah, Fazrin Azwar, merupakan satu kesilapan teknik.

Ong memberitahu persidangan bahawa walaupun usul DAP itu mempunyai kepentingan orang ramai, ia terpaksa ditolak kerana perkara serupa sudah berulang kali dibawa kepada peridangan.

"Oleh yang demikian saya menolaknya kerana tidak perlu disegerakan dan perkara itu boleh dibawa lagi di Dewan ini pada masa yang lain," katanya.

-- BERNAMA

ZAB NMO